

'Penjawat awam perlu kekalkan integriti, perkukuh tadbir urus'

Kuala Lumpur: Yang di-Per-tuan Agong, Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat kepada seluruh penjawat awam supaya sentiasa mengekalkan integriti serta amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, demi kepentingan rakyat dan negara.

Seri Paduka bertitah, penjawat awam ialah tunjang utama pentadbiran negara yang memainkan peranan penting dalam memastikan dasar dan perancangan kerajaan dapat

dilaksanakan dengan berkesan.


Baginda menekankan kepentingan budaya kerja berteraskan nilai kejujuran, ketelusan dan kecekapan, selain menolak sebarang bentuk salah guna kuasa, rasuah serta penyelewengan hingga boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi awam.

Titah nasihat itu dizahirkan baginda ketika menerima menghadap Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, di Istana Bukit

Tunku, di sini, semalam.

Pada pertemuan itu, Sultan Ibrahim turut dipersembahkan taklimat mengenai isu semasa perkhidmatan awam, termasuk usaha memperkasa tatakelola dan pengukuhan tadbir urus.

Sementara itu, hantaran berasingan memaklumkan Seri Paduka turut menerima menghadap Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Datuk Ibrahim Darus, yang berlangsung di istana sama, semalam. **BERNAMA**



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Shamsul Azri di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto FB Sultan Ibrahim)